



TEKS UCAPAN

**YB DATO' SRI HAJAH NANCY SHUKRI
MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT**

SEMPENA

**JELAJAH KASIH PUSAT SOKONGAN SOSIAL SETEMPAT (PSSS) YKN
'SA DENGAR SA TULUNG BAH'**

TARIKH/ MASA/ TEMPAT

**19 DISEMBER 2025 (JUMAAT) | 3.30 PETANG
INTERNATIONAL TECHNOLOGY & COMMERCIAL CENTRE (ITCC)
PENAMPANG, SABAH**

**Assalamualaikum, Salam Sejahtera dan Salam Malaysia
Madani**

(SALUTASI DISEDIAKAN)

1. Alhamdulillah, marilah kita panjatkan setinggi-tinggi kesyukuran ke hadrat Allah SWT kerana dengan limpah rahmat dan izin-Nya, kita dapat bersama-sama berhimpun dalam Program Jelajah Kasih Pusat Sokongan Sosial Setempat (PSSS) “Sa Dengar, Sa Tulung Bah” pada hari ini.

2. Saya merakamkan penghargaan kepada Yayasan Kebajikan Negara melalui PSSS, dengan kerjasama Hospital Mesra Kota Kinabalu, atas penganjuran program yang sangat dekat dengan realiti kehidupan masyarakat. Terima kasih juga kepada YB Datuk Rina atas kehadiran bersama kita hari ini, dan tahniah atas kejayaan dalam PRN yang lalu.

3. Kehadiran lebih 300 orang pada hari ini, yang terdiri daripada keluarga pesakit psikiatri, warga Hospital Mesra Kota Kinabalu serta wakil-wakil NGO, menunjukkan bahawa isu kesihatan mental bukan lagi perkara yang disorokkan, tetapi isu bersama yang semakin difahami dan diberi perhatian.

TUJUAN PROGRAM DAN PENGENALAN PSSS

Puan-puan dan Tuan-tuan yang dihormati sekalian,

4. Program Jelajah Kasih PSSS ini bertujuan membawa perkhidmatan sokongan kerajaan terus ke tengah masyarakat, khususnya kepada mereka yang berdepan tekanan emosi, cabaran kesihatan mental dan krisis dalam keluarga.

5. Pendekatan turun padang dan berasaskan komuniti ini penting kerana ramai yang sebenarnya memerlukan bantuan, tetapi tidak tahu ke mana hendak mengadu atau masih berasa takut dan malu untuk bersuara.

6. Pusat Sokongan Sosial Setempat atau PSSS diwujudkan sebagai pusat sehati untuk membantu individu dan keluarga yang berdepan pelbagai isu sosial dan emosi, melalui kaunseling, sokongan psikososial, intervensi awal serta rujukan kepada agensi berkaitan.

7. Untuk makluman semua, Pusat Sokongan Sosial Setempat atau PSSS telah dilancarkan secara rasmi di Negeri Sabah pada bulan Mei yang lalu oleh YAB Ketua Menteri Sabah bersempena Program Kembara Kasih KPWKM yang dilaksanakan di Sabah tahun ini.

8. Sejak pelancarannya, PSSS telah turun menyantuni masyarakat di beberapa lokasi utama di Sabah termasuk di Papar, Tawau, Lahad Datu dan Penampang.
9. Sejak penubuhannya, PSSS telah menyantuni 142,030 orang klien seluruh Malaysia dan menjadi rujukan rakyat Malaysia yang memerlukan sokongan emosi dan bantuan profesional.

10. PSSS bukan sekadar memberi nasihat, tetapi berfungsi sebagai ruang selamat (safe space) untuk masyarakat didengari, dibimbing dan dibantu oleh kaunselor profesional YKN yang berdaftar dan berpengalaman.

KESIHATAN MENTAL, KEGANASAN RUMAH TANGGA DAN PERANAN KOMUNITI

Para hadirin yang saya hormati sekalian,

11. Isu kesihatan mental dan keganasan rumah tangga tidak boleh ditangani melalui penguatkuasaan undang-undang semata-mata, tetapi memerlukan pendekatan menyeluruh yang merangkumi empati, rawatan, sokongan keluarga dan intervensi awal.

12. Kerjasama dengan Hospital Mesra Kota Kinabalu dalam program ini amat penting kerana ia menghubungkan perkhidmatan sosial dan kesihatan mental agar pesakit dan keluarga tidak berasa terasing atau disisihkan.

13. Dalam usaha ini, Talian Kasih 15999 memainkan peranan penting sebagai saluran selamat untuk mendapatkan bantuan, kaunseling dan perlindungan, dan ia beroperasi 24 jam sehari, tujuh hari seminggu.

14. Saya ingin menyeru kepada semua, khususnya ahli keluarga dan penjaga pesakit, agar tidak memendam perasaan atau menghadapi cabaran ini bersendirian. Jika memerlukan bantuan, hubungilah Talian Kasih 15999.

15. Setiap daripada kita mempunyai peranan — sebagai ahli keluarga, jiran, rakan atau pemimpin komuniti — untuk menjadi mata, telinga dan sokongan kepada mereka yang sedang bergelut.

PENUTUP

Para hadirin yang saya hormati sekalian,

16. Akhir kata, saya berharap agar kehadiran dan penglibatan semua pihak pada hari ini akan menjadi pemangkin kepada pembentukan komuniti yang lebih prihatin, berempati dan peka terhadap kesejahteraan sosial di sekeliling kita.

17. Bersama-sama, kita bina masyarakat yang lebih penyayang, selamat dan bebas daripada keganasan, di mana kesihatan mental diberi perhatian sewajarnya dan setiap insan dihargai maruahannya. Sebelum mengakhiri ucapan ini saya ingin mengucapkan Selamat Hari Natal kepada semua yang menyambutnya dan happy holidays kepada yang bercuti.

Wabillahi taufiq walhidayah, wassalamualaikum
warahmatullahi wabarakatuh.

Sekian, terima kasih.

**YB DATO' SRI HAJAH NANCY SHUKRI
MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN
MASYARAKAT
19 DISEMBER 2025**